

29 JUN 1998

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA ESTRADA

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengutuskan perutusan tahniah kepada Presiden Joseph Estrada sempena pelantikan beliau sebagai Presiden Filipina ke-13, esok.

"Beta berdua yakin bahawa hubungan yang rapat dan mesra antara kedua-dua negara akan terus dipertingkatkan semasa pemerintahan Presiden Estrada," kata Seri Paduka dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Estrada di atas kemenangan beliau pada pilihan raya umum Filipina, baru-baru ini.

"Saya yakin dengan kepimpinan anda, Filipina akan terus menikmati pembangunan dan kemakmuran pada tahun-tahun yang akan datang," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau berharap dapat bekerjasama dengan Presiden Estrada dalam memperluaskan hubungan kedua-dua negara serta memperkukuhkan semangat persaudaraan Asean.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim juga menghantar perutusan serupa kepada naib presiden baru Filipina, Gloria Macapagal Arroyo.

-- BERNAMA

MAM NAK